

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1997/98**

**Februari 1998**

**PLG 477 - Kaedah Mengajar Sejarah II**

**(Masa : 3 Jam)**

---

**ARAHAN:** Jawab mana-mana **EMPAT (4)** soalan. Tiap-tiap soalan membawa markah yang sama.

1. Bincangkan peranan pendidikan Sejarah sebagai asas pendidikan kewarganegaraan dari segi metos dan realiti.
2. Pilih satu tajuk daripada Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Lima (Sejarah Malaysia) dan sediakan satu rancangan mengajar selama 40 minit. Nyatakan dengan jelas kaedah yang digunakan, matlamat pelajaran, aktiviti-aktiviti pembelajaran yang akan dirancangan serta cara-cara menilai keberkesanan pelajaran tersebut. Apakah langkah-langkah yang akan diambil kalau terdapat 60% murid-murid dalam kelas ini telah gagal dalam penilaian tersebut?
3. "Kaedah Drama dapat memberi pendedahan yang berkesan dalam pengajaran-pembelajaran sejarah".
  - a) Apakah pandangan anda mengenai pendapat ini?
  - b) Apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh guru untuk melaksanakan kaedah ini?
4. Apakah dasar-dasar yang anda akan gunakan apabila mengajar Sejarah di Tingkatan Enam? Bincangkan.

...2/-

5. Dengan merujuk kepada TIGA jenis bahan-bahan sumber yang disenaraikan di bawah, bincangkan kesesuaiannya untuk digunakan semasa pengajaran-pembelajaran Sejarah di Sekolah Menengah Atas,
- i) gambar-gambar foto orang atau kejadian
  - ii) dokumen-dokumen persendirian
  - iii) rekod-rekod rasmi
  - iv) surat khabar dan majalah-majalah popular

Perbincangan anda hendaklah berdasarkan kepada aspek-aspek yang berikut:

- a) di mana bahan ini dapat dipadankan ke dalam sukatan pelajaran
- b) bagaimana bahan-bahan ini akan mendorong ke arah mencapai objektif-objektif sukatan pelajaran?

- ooo0ooo -